

PENUTUP

OACP PDT Kuantan telah dirangka sebagai garis panduan kepada pegawai dan kakitangan ke arah sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih sistematik, telus, berintegriti dan berakauntabiliti. Ianya sebagai satu persediaan untuk menghadapi pelbagai jangkaan aktiviti rasuah dan penyelewengan yang berpotensi berlaku di dalam organisasi.

Pembangunan pelan OACP PDT Kuantan ini juga menunjukkan komitmen jabatan dalam menyokong dasar antirasuah kerajaan. Pelaksanaan semua inisiatif yang digariskan di dalam pelan ini akan dipantau dan dikaji dari semasa ke semasa. Pengurusan Tertinggi PDT Kuantan akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dengan mengambil kira maklum balas dan cadangan penambahbaikan agar kekal relevan dengan peredaran masa.

